

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: UUM - Akademi Golf Nasional (UUMNGA)
Sent: Wednesday, 26 April, 2017 9:52 AM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Cc: Prof. Madya Dr. Azman B Yasin
Subject: AFIF RANGKUL KEJUARAAN JOHOR AMATEUR OPEN 2017



Akademi Golf Nasional
NATIONAL GOLF ACADEMY
Universiti Utara Malaysia



26 APRIL 2017/29 REJAB 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

السلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Assalamu'alaikum wrh.wbt dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato'/Prof/Prof. Madya/Dr./Tuan/Puan

AFIF RANGKUL KEJUARAAN JOHOR AMATEUR OPEN 2017



AGN UUM 23 APRIL 2017- Horizon Hills Golf & Country Club merupakan antara salah satu medan tempur yang mencabar bagi pemain golf tempatan mahupun antarabangsa. Namun lapangan tersebut ditewaskan oleh salah seorang Atlit Akademi Golf Nasional Universiti Utara Malaysia.

Muhd Afif bin Muhd Razif telah menjumpai rentak permainan dengan memenangi Johor Amateur Open 2017 pada 21 April yang lalu.

Bagi menentukan kejuaraan di Johor Amateur Open, Muhd Afif serta dua lagi pemain iaitu Rhaashikanesh a/l Kanavathi dan Chiristopher Danial James terpaksa bermain 'playoff'. Pada pusingan pertama 'playoff' masing-masing berjaya membuat 5 pukulan (par) di lubang 18. Justeru playoff tersebut diteruskan dengan pusingan kedua.

Semasa pusingan kedua Muhd Afif telah berjaya membuat 4 pukulan (birdie) di lubang 18 mengalahkan 2 lagi pemain. Dengan catatan 76, 76, 72 dengan jumlah pukulan 224 sudah cukup bagi beliau merangkul kejuaraan amatur berprestij itu yang berlangsung pada 19- 21 April baru-baru ini.

Sementara itu, Muhd Afif bin Muhd Razif sewaktu ditemui selepas kejohanan melahirkan rasa gembira dan syukur dengan kejayaan merangkul kejuaraan tersebut.

“Saya amat berterima kasih pada jurulatih dan rakan sepasukan yang banyak menyokong saya sehingga mencapai kejayaan ini. Diharap kejayaan ini akan menjadi ‘turning point’ untuk saya berusaha lebih kuat lagi bagi memperolehi kejayaan yang lebih cemerlang pada masa akan datang,” ujarnya.

Turut tidak menghampakan apabila tiga (3) orang pemain golf AGNUUM berada dalam kelompok 10 pemain terbaik Muhammad Ridhwan Johari di kedudukan ke-5 dengan catatan 79,82,70 (231), Sazanur Iman Salenin kedudukan ke-7th 76,74,81 (231) dan Mohd Shakiran Johari kedudukan ke-10 dengan catatan 79,82,72 (233).

HABIS.

Daripada:

AKADEMI GOLF NASIONAL
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
06010 UUM SINTOK
KEDAH
TEL: 04-9283591/3596
FAKS: 04-9283592



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.